



KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

SEBUTHARGA NO. : JPS / N / SH / DBD / D / 26 / 2012

TAJUK KERJA :

KERJA-KERJA MENGUBAHSUAI PARIT-PARIT PERTANIAN KAMPUNG PERLIS DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG

JADUAL KANDUNGAN

Bil.	Butiran	Muka Surat
1.	Kenyataan Sebutharga	2 & 3
2.	Dokumen A – Arahan Kepada Pentender	4
3.	Surat Akuan Pembida	5
4.	Dokumen B – Borang Sebutharga	6
5.	Dokumen C – Syarat – Syarat Sebutharga	7 & 8
6.	Dokumen D – a) Arahan / Spesifikasi	9
7.	Ringkasan Kerja	10
8.	Dokumen E – Senarai Kuantiti	11, 12 & 13
9.	Dokumen F – Pelan	-
10.	Dokumen H – Pengalaman Kerja Terdahulu (Dokumen Sokongan) a) Senarai Kerja Yang Telah Disiapkan b) Senarai Kerja Dalam Tangan	14
11.	Dokumen I – Senarai Jentera / Mesin	15
12.	Dokumen J – Senarai Semak Dokumen – Dokumen Yang Perlu Dipulangkan ke JPS DBD	16

KENYATAAN SEBUTHARGA

**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN PULAU PINANG
DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG
(Tawaran Khas Untuk Bumiputra)**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor – kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja – kerja berikut :

Bil.	No. Sebutharga	Tajuk Kerja
1.	JPS/N/SH/DBD/D/26/2012	Kerja-kerja mengubahsuai Parit-parit Pertanian Kampung Perlis dan lain-lain Kerja berkaitan di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang
2.	JPS/N/SH/DBD/D/27/2012	Kerja-kerja Menaiktaraf Parit Kampung Terang dan lain-lain Kerja Berkaitan di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

2. Kontraktor – kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini hendaklah berdaftar dan masih aktif dengan : -

- i. Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Kelas F Kepala 1 Sub – Kepala 7(a) dan 7(b) DAN**
- ii. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah kepala tajuk 'CE'.**

3. Lawatan tapak adalah **WAJIB**. Kontraktor hendaklah membawa sijil – sijil **ASAL** seperti di atas (para 2) semasa pendaftaran dan lawatan tapak. **(WAKIL KONTRAKTOR TIDAK DIPERTIMBANGKAN UNTUK MENYERTAI LAWATAN TAPAK DAN PEMBELIAN BORANG SEBUTHARGA).**

4. Kontraktor hendaklah melaporkan diri pada **24 JULAI 2012 (SELASA)** jam **10.00 pagi** di Pejabat JPS Daerah Barat Daya, Jalan Sungai Burung, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang.

5. Segala butir dan dokumen sebutharga boleh dirujuk di Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Barat Daya (pada waktu pejabat) dan boleh dibeli dilaman web <http://ep.penang.gov.my>. Kontraktor yang ingin menyertai sebutharga di atas dikehendaki membuat bayaran sebanyak **RM10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja)** melalui cimbclicks atau kad kredit sebagai bayaran dokumen **SETIAP SATU** sebutharga mulai tarikh **25 JULAI 2012 (RABU) – jam 08.00 pagi**.

6. Sebutharga ini akan ditutup pada **31 JULAI 2012 (SELASA)**. Semua dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Pejabat JPS Daerah Barat Daya, Jalan Sungai Burung, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang tidak lewat daripada **jam 12.00** tengahari pada hari tersebut.

7. Kerajaan adalah tidak terikut untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa – apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

8. Tempoh bantahan adalah selama 1 minggu (7 hari) selepas kerja ditawarkan kepada kontraktor yang berjaya (mengikut surat JKNPP / 05 / 03 / 8 jld 3 (10) bertarikh 06 Januari 2009). Pemborong yang berjaya akan dipamerkan sebaik sahaja ditawarkan.

t . t

.....
(ABDUL RANI BIN ZAINON)

Jurutera Daerah

Jabatan Pengairan dan Saliran

Daerah Barat Daya

Pulau Pinang

(P08/003 – Fizah)

ARAHAN KEPADA PENTENDER

1.0 Hak Kerajaan Untuk Menerima / Menolak Sebutharga

Kerajaan adalah tidak terikat untuk Menerima Sebutharga yang terendah atau mana- mana Sebutharga atau memberi apa – apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2.0 Cara – Cara Melengkapkan Dokumen Sebutharga

2.1 Penyediaan Sebutharga

Pentender adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya.

- a) Ringkasan Sebutharga perlu diisi sepenuhnya, ditandatangani oleh Pentender dan saksinya.
- b) Borang Sebutharga perlu diisi dengan menyatakan harga secara pukal (Lump Sum) dan tempoh masa yang diperlukan untuk melaksanakan kerja. Borang ini perlu ditandatangani oleh Pentender dan saksinya.
- c) Butir – butir spesifikasi (jika ada).
- d) Senarai Kerja Dalam Tangan.
- e) Senarai Pengalaman Kerja.

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat – maklumat di atas, Pentender hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebutharga

- f) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.
- g) Jika Dokumen Sebutharga tidak serahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- h) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan atas sebab apa sekali pun, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, Pentender boleh menghubungi **Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Daerah Barat Daya, Jalan Sungai Burong, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang.**

3.0 Ringkasan Sebutharga

- 3.1 Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebutharga.
- 3.2 Harga – harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj – caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sempurnanya.

4.0 Tempoh Sah Sebutharga

Sebutharga ini sah selama **90 hari** dari tarikh tutup Sebutharga. Pentender tidak boleh menarik balik Sebutharganya sebelum tamat tempoh sah. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Pentender menarik balik Sebutharganya sebelum tamat tempoh Sebutharga.

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

Tajuk Sebutharga : **Kerja-kerja mengubahsuai Parit-parit Pertanian Kampung Perlis dan lain-lain Kerja Berkaitan di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang**

No. Sebutharga : **JPS/N/SH/DBD/D/26/2012**

Saya, nombor K.P. yang mewakili

.....
 Nombor pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- a. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; atau
- b. penamatan kontrak bagi tender/sebutharga* di atas; dan
- c. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutharga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Saksi,

.....
Nama:.....
Nama:

No. K.P:

No KP:

Cop Syarikat:

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

BORANG SEBUTHARGA

No. Sebutharga : JPS / N / SH / DBD / D / 26 / 2012

Pejabat Jurutera Daerah,
Jabatan Pengairan Dan Saliran,
Daerah Barat Daya,
Jalan Sungai Burong,
11000 Balik Pulau,
Pulau Pinang.

Tuan,

Sebutharga Untuk :

Kerja-kerja mengubahsuai Parit-parit Pertanian Kampung Perlis dan lain-lain Kerja Berkaitan di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Pentender, Syarat – Syarat Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan – pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja – kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia

.....(RM.....)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja – kerja ini dengan sempurna dan memuaskan dalam tempoh masa **LAPAN (08 minggu)** dan tarikh mula kerja seperti yang ditetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.

Bertarikh pada haribulan 2012.

.....
(Tandatangan Pentender)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :

Nama Penuh :

No. K/P :

No. K/P :

Alamat :

Alamat :

Atas sifat :

.....

.....
Meteri atau Cop Syarikat

SYARAT – SYARAT SEBUTHARGA**1.0 Pemeriksaan Tapakbina**

- 1.1 Kontraktor adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti tapakbina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara – cara perhubungan dan laluan masuk ke tapakbina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko luar jangkaan dan segala hal – keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2.0 Insurans / Perkeso

- 2.1 Bagi kerja Sebutharga Kontraktor hendaklah mengemukakan perkara – perkara berikut:-
- a) Insuran Tanggungan Awam (Public Liability – P.L.) bagi tempoh pelaksanaan kerja termasuk Tempoh Liabiliti Kecacatan.
 - b) Nombor Kad Pendaftaran dengan PERKESO / Insurans Pampasan Pekerja (Workmanship Composition – W.C.)
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang disebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimana pun, untuk tujuan memulakan Kerja sahaja, nota – nota perlindungan dan resit – resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah Nota – Nota Perlindungan tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah Fasal 8.1 (e) Syarat – syarat ini.

3.0 Peraturan Pelaksanaan Kerja

- 3.1 Kerja – kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, Pelan – pelan, Butir – butir Kerja dalam Ringkasan Sebutharga, Syarat – syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga dan Arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

4.0 Sub – Sewa Dan Penyerahan Hak

- 4.1 Kontraktor tidak dibenarkan mengsub – sewakan kerja kepada kontraktor – kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerah hak apa – apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

5.0 Penolakan Bahan, Barang Dan Kerja Oleh Pegawai Inden

- 5.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja – kerja yang tidak menepati Spesifikasi, Bahan, Barang dan kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

6.0 Ringkasan Sebutharga (Borang Sebutharga)

- 6.1 Ringkasan Sebutharga (Borang Sebutharga) hendaklah menjadi sebahagian daripada Sebutharga ini.
- 6.2 Harga – harga dalam Ringkasan Sebutharga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan Pegawai Inden tentang kemunasabahnya.

Apa – apa pelarasan kepada harga dan apa – apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaraskan dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tidak berubah.

- 6.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan atau pelarasan harga dibuat akibat daripada perubahan kos buruh, bahan – bahan, duti dan cukai Kerajaan sama ada dalam tempoh sah Sebutharga atau dalam tempoh kerja.

7.0 Percanggahan Dalam Dokumen Sebutharga

- 7.1 Jika Kontraktor mendapati apa – apa percanggahan dalam Dokumen Sebutharga, kontraktor hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

8.0 Penamatan Perlantikan Kontraktor

- 8.1 Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden :

- a) Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja, tanpa sebab yang munasabah.
- b) Sekiranya Kontraktor gagal menyiapkan kerja pada tarikh siap kerja atau dalam tempoh lanjutan masa yang diberikan.
- c) Kemajuan Kerja terlalu lembap tanpa sebab – sebab yang munasabah.
- d) Penggantungan pelaksanaan keseluruhan atau sebahagian Kerja tanpa apa – apa sebab yang munasabah.
- e) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa – apa alasan yang munasabah; dan
- f) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

- 8.2 Sekiranya perlantikan Kontraktor ditamatkan, tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

9.0 Kerja Perubahan

- 9.1 Pegawai Inden boleh mengeluarkan arahan – arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa – apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden boleh membatalkan Sebutharga ini.

- 9.2 Semua kerja perubahan dan / atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti / Ringkasan Sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan Kontraktor hendaklah digunakan.

10.0 Tempoh Liabiliti Kecacatan

- 10.1 Bagi Kerja yang bernilai RM20,000.00 hingga RM200,000.00, Tempoh Liabiliti Kecacatan ialah selama enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Pada bila – bila masa dalam Tempoh Liabiliti Kecacatan, Kontraktor hendaklah membaiki sebarang kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa – apa kerosakan lain disebabkan oleh bahan, barang atau mutu kerja yang tidak menepati spesifikasi di atas perbelanjaannya sendiri setelah dimaklumkan oleh Pegawai Inden.

11.0 Pematuhan Kepada Undang – Undang

- 11.1 Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang – Undang Kecil dan Undang – Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan akibat pematuhan syarat ini.

ARAHAN / SPESIFIKASI

1. Semua kerja hendaklah mengikut Pelan No. JPS. DBD. Spesifikasi serta syarat – syarat yang dikepilkan dan Arahan Pegawai Penguasa.
2. Segala tanah korekan yang berlebihan hendaklah diangkut keluar dari tapak kerja dan dibuang di tapak yang ditentukan oleh pihak kontraktor (jika dirahkan oleh Pegawai Inden).
3. Anggaran kuantiti kerja tanah yang diberi adalah sebagai garis panduan sahaja kepada kontraktor. Jabatan ini tidak menjamin ketepatannya. Kontraktor hendaklah menilai semula berpandukan pelan dan semasa lawatan ke tapak bina dijalankan.
4. Semua butiran kerja adalah mengikut piawaian dan spesifikasi serta bahan yang diluluskan oleh Jabatan.
5. Sebelum kontraktor memasuki kawasan ini, kontraktor hendaklah faham dan mahir akan penetapan kerja – kerja yang akan dijalankan. Sila rujuk semula kepada Juruteknik yang berkenaan jika terdapat sebarang kemusykilan.
6. Pembayaran hanya akan dibuat selepas semua kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan tertakluk kepada **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1982.**
7. Pembayaran adalah berdasarkan kuantiti sebenar (pengukuran semula kuantiti) yang telah dilaksanakan ditapak.
6. Setiap kerja perlu disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam Inden / Borang Sebutharga dan denda sebanyak RM10.00 sehari akan dikenakan selepas masa tersebut.
9. Tempoh bantahan adalah selama **1 minggu (7 hari)** selepas kerja ditawarkan kepada pemborong yang berjaya (mengikut surat JKNPP/05/03/8 Jld.3 (10) bertarikh 06 Januari 2009). Pemborong yang berjaya akan dipamer sebaik sahaja ditawarkan.

Sebutharga No. : JPS/N/SH/DBD/D/26/2012

Tajuk Sebutharga :

**Kerja-kerja mengubahsuai Parit-parit Pertanian Kampung Perlis dan lain-lain Kerja
Berkaitan di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang**

BIL.	RINGKASAN KERJA
1.	Kerja – kerja awalan
2.	Kerja – kerja pembinaan
3.	Lain – lain kerja berkaitan

PENGALAMAN KERJA TERDAHULU

**** SENARAI KERJA YANG TELAH DISIAPKAN***

Nama Projek	Agensi / Jabatan Yang Mengawasi	Harga (RM)	Tempoh (minggu)	Tarikh Siap Sebenar

SENARAI KERJA DALAM TANGAN

Nama Projek	Agensi / Jabatan Yang Mengawasi	Harga (RM)	Tempoh (minggu)	Tarikh Siap Sebenar

** Senarai Kerja Yang Telah Disiapkan Dalam Tempoh 12 Bulan Hinga Kini.*

** Sekiranya Ruang Tidak Mencukupi, Sila Kepilkan Lampiran Berasingan.*

SENARAI JENTERA / MESIN

Nama Syarikat : _____

Bil.	Jenis Jentera / Mesin	Pemilik	Catatan
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			

.....
(Cop Syarikat)

**SENARAI SEMAK DOKUMEN – DOKUMEN YANG PERLU DIPULANGKAN KE
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
DAERAH BARAT DAYA**

Sebutharga No. : JPS/N/SH/DBD/D/26/2012
Tajuk Kerja : Kerja-kerja mengubahsuai Parit-parit Pertanian Kampung Perlis dan lain-lain Kerja berkaitan di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang

BIL.	TAJUK DOKUMEN	DIPULANGKAN (X)	CATATAN
1	Dokumen B (Borang Sebutharga)		
2	Lampiran E (Bill Of Quantities) <i>- Sila cop syarikat di bahagian bawah</i>		
3	Lampiran A1 (Surat Akuan Pembida)		
4	Dokumen H (Dokumen Sokongan) - Senarai Kerja Yang Telah Disiapkan - Senarai Kerja Dalam Tangan <i>- Sila cop syarikat di bahagian bawah</i>		
5	Dokumen I - Senarai Jentera / Mesin <i>- Sila cop syarikat di bahagian bawah</i>		
6	Salinan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)		
7	Salinan Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)		
8	Resit Pembelian Sebutharga Ini (RM10.00)		

**** Borang - borang yang dinyatakan di atas perlu diisi dengan jelas dan lengkap. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan sebutharga tuan tidak dipertimbangkan untuk dinilai.**

.....
(Cop Syarikat)